A

JUNAIDAH GHAZALI

lwn.

BALASUBRAMANIAM ALAGU & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SURAYA OTHMAN H
[GUAMAN SIVIL NO: MT3-22-160-2010]
8 FEBRUARI 2013

C

TORT: *Ganti rugi - Ganti rugi terpencil atau luar dugaan - Kes plaintif di Mahkamah Perusahaan terbatal akibat kegagalan wakil plaintif memfailkan pernyataan kes - Sama ada plaintif boleh menuntut ganti rugi bagi perbelanjaan terbuang - Sama ada plaintif boleh menuntut ganti rugi bagi kehilangan tuntutan di Mahkamah Perusahaan - Sama ada kerugian plaintif terlalu terpencil atau luar dugaan - Sama ada kerugian dapat dijangka*

D *dengan munasabah*

TORT: *Kecuaian - Kewajipan berjaga-jaga - Kewajipan berjaga-jaga pihak yang bertindak sebagai wakil plaintif di Mahkamah Perusahaan - Sama ada kewajipan dimungkiri apabila gagal memfailkan pernyataan kes sehingga*

E *menyebabkan kes dibatalkan - Sama ada plaintif boleh menuntut ganti rugi bagi perbelanjaan terbuang - Sama ada plaintif boleh menuntut ganti rugi bagi kehilangan tuntutan di Mahkamah Perusahaan*

Plaintif telah mengambil tindakan terhadap majikannya berhubung penamatan perkhidmatan plaintif dan pertikaian ini telah dirujuk ke

F Mahkamah Perusahaan. Plaintif telah melantik defendan kedua sebagai wakil plaintif dalam kes tersebut. Defendan pertama adalah pegawai defendan kedua. Mahkamah Perusahaan telah mengarahkan defendan kedua untuk memfailkan pernyataan kes. Walau bagaimanapun, defendan kedua telah gagal memfailkan pernyataan kes tersebut walaupun setelah

G diberikan lanjutan masa oleh Mahkamah Perusahaan untuk berbuat demikian. Akibatnya, Mahkamah Perusahaan telah membatalkan kes tersebut. Permohonan plaintif untuk menghidupkan semula kes tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Perusahaan atas, antara lain, alasan pengakuan kecuaian oleh defendan pertama yang sibuk dengan persatuan

H sehingga terlepas pandang kes-kes mahkamah yang sedang dikendalikan oleh defendan pertama ketika itu. Permohonan plaintif di Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman juga tidak berjaya. Maka, plaintif telah membawa tuntutan ini terhadap defendan-defendan atas kecuaian defendan-defendan dalam mengendalikan kes plaintif di Mahkamah

I Perusahaan. Plaintif telah menuntut ganti rugi kecuaian, ganti rugi kesusahan dan ganti rugi teladan. Defendan-defendan menghujahkan

bahawa mereka tidak dapat memfailkan penyataan kes tersebut kerana plaintif tidak membekalkan dokumen-dokumen yang lengkap dan juga kerana plaintif tidak memberi arahan selanjutnya kepada pihak defendan. Juga dihujahkan bahawa defendan pertama tidak menandatangani Borang B yang merupakan borang 'waran kuasa untuk bertindak' di Mahkamah Perusahaan dan oleh itu, defendan-defendan mempunyai *locus standi* untuk mewakili plaintif di Mahkamah Perusahaan.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Defendan-defendan yang mewakili dan/atau bertindak sebagai wakil plaintif di Mahkamah Perusahaan mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif. Defendan-defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga untuk mengendalikan kes tersebut dengan mengambil segala tindakan yang munasabah supaya kes tersebut dapat didengar dan/atau dibicarakan; *Hock Wee Nurseries Sdn Bhd v. Fajar Saga Sdn Bhd* (dirujuk). (perenggan 22)

(2) Defendan-defendan telah memungkiri kewajipan berjaga-jaga tersebut apabila gagal dan cuai untuk memfailkan penyataan kes sehingga menyebabkan kes tersebut dibatalkan oleh Mahkamah Perusahaan. (perenggan 22)

(3) Plaintif telah mengalami kerugian akibat daripada kecuaian defendan-defendan menguruskan kes plaintif. Plaintif telah kehilangan peluang untuk kesnya didengar dan diputuskan oleh mahkamah dan telah kehilangan hak untuk mendapatkan relif-relif yang dituntut dalam kes tersebut. Plaintif juga telah mengalami kerugian dari segi masa yang dihabiskannya untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung bagi kes tersebut dibawa ke Mahkamah Perusahaan. (perenggan 22)

(4) Kerugian yang dialami oleh plaintif bukan kerugian yang terlalu terpencil atau luar dugaan atau kerugian luar jangkaan defendan kerana sebahagian kerugian yang dituntut adalah dapat dijangka dengan munasabah. Ini adalah kerana, defendan-defendan sebagai pihak yang berpengalaman dalam mengendalikan kes di Mahkamah Perusahaan mesti mempunyai jangkaan munasabah bahawa sekiranya mereka tidak mematuhi arahan yang diberikan Mahkamah Perusahaan, maka kes plaintif akan dibatalkan oleh Mahkamah tersebut. (perenggan 22)

(5) Permohonan bagi ganti rugi atas kecuaian pengendalian kes di Mahkamah Perusahaan tersebut sebanyak RM72,124.80 ditolak kerana kerugian tersebut adalah kerugian atau kerosakan yang terlalu terpencil atau luar dugaan atau kerugian luar jangkaan defendan. Ini adalah kerana pada tahap ini, tidak boleh dipastikan bahawa plaintif

akan memenangi kesnya. Plaintif dalam keadaan sedemikian seharusnya merayu ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi (iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan). Mahkamah ini tidak boleh memutuskan kerugian berdasarkan tuntutan merit kes sehinggalah ruang atau peluang plaintif untuk merayu belum digunakan sehingga ke peringkat akhir atau tertinggi. (perenggan 22)

Kes-kes yang dirujuk:

Arab-Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2003] 1 CLJ 585 CA ***(dirujuk)***

Hock Wee Nurseries Sdn Bhd v. Fajar Saga Sdn Bhd [2011] 10 CLJ 249 HC ***(dirujuk)***

Kow Nan Seng v. Nagamah & Ors [1981] 1 LNS 208 FC ***(dirujuk)***

Lew Thai v. Chai Yee Chong [1997] 1 CLJ Supp 13 HC ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - Zeffree Zainudin (Mohd Khairudin Ishak bersamanya); T/n Zeffree Azmi

Bagi pihak defendan-defendan - VK Raj; T/n P Kuppusamy & Co

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Suraya Othman H:

Pengenalan

[1] Ini adalah tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan atas kecuaian defendan-defendan dalam mengendalikan kes plaintif di Mahkamah Perusahaan Malaysia sehingga menyebabkan tuntutan plaintif terhadap bekas majikannya Rinman International Sdn Bhd dibatalkan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia. Oleh itu plaintif telah menuntut ganti rugi kecuaian sebanyak RM72,124.80, ganti rugi kesusahan sebanyak RM2 juta, ganti rugi teladan sebanyak RM1 juta atau secara alternatif, ganti rugi am untuk ditaksirkan Penolong Kanan Pendaftar ('PKP'), ganti rugi tanggungan kos semakan sebanyak RM10,482, ganti rugi kos guaman semakan sebanyak RM5,000 dan kos.

Ringkasan Kes Plaintif

[2] Plaintif telah mengambil tindakan terhadap majikannya berhubung penamatan perkhidmatan plaintif sebagai penolong pengurus ("assistant manager") Street Directory pada 31 Januari 2001 dan pertikaian plaintif dan majikannya telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan Malaysia dalam Kes No: 3/4-755/04 ("kes tersebut").

[3] Melalui notis sebutan kes bertarikh 8 Jun 2004 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia, plaintif telah dimaklumkan bahawa pihak-pihak dikehendaki hadir di hadapan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia pada 8 Julai 2004 untuk sebutan kes tersebut.

[4] Plaintif telah bertemu defendan pertama, seorang pegawai perhubungan awam bagi defendan kedua untuk mendapatkan khidmat nasihat berhubung kes tersebut. Plaintif telah menandatangani Borang B, iaitu satu waran kuasa untuk bertindak (warrant of authority) yang melantik defendan kedua sebagai wakil dalam kes tersebut serta menyerahkan Borang B tersebut dan segala dokumen-dokumen yang berkaitan kepada defendan pertama.

[5] Mahkamah melalui notis dalam Borang H bertarikh 15 Julai 2004 telah mengarahkan defendan kedua untuk memfailkan pernyataan kes dalam kes tersebut pada atau sebelum 9 Ogos 2004. Mahkamah juga telah menetapkan tarikh bicara untuk kes tersebut pada 11 April 2005 dan 12 April 2005.

[6] Setakat 9 Ogos 2004, defendan kedua masih tidak memfailkan pernyataan kes seperti yang dikehendaki melalui Borang H tersebut.

[7] Pada tarikh sebutan 23 Ogos 2004, Mahkamah Perusahaan telah memberikan lanjutan masa untuk membolehkan defendan kedua memfailkan pernyataan kes bagi kes tersebut dan menetapkan tarikh sebutan semula pada 20 September 2004. Mahkamah juga telah menetapkan tarikh untuk perbicaraan pada 11 Mac 2005 dan 18 Mac 2005.

[8] Defendan kedua melalui pegawainya iaitu defendan pertama masih lagi gagal untuk memfailkan pernyataan kes sepertimana yang diarahkan oleh Mahkamah Perusahaan pada 23 Ogos 2004. Lanjutan itu, Mahkamah Perusahaan melalui award no. 1187 tahun 2004 ("award pertama") telah membatalkan kes tersebut dengan kebebasan menghidupkan semula dalam masa 30 hari dari tarikh award;

[9] Kemudiannya melalui notis permohonan bertarikh 6 Oktober 2004 ("permohonan tersebut"), plaintif telah memohon kepada Mahkamah Perusahaan Malaysia untuk mengenepikan award tersebut yang mana defendan pertama juga telah mengikrarkan satu afidavit bertarikh 14 Jun 2005 untuk menyokong permohonan tersebut.

[10] Mahkamah Perusahaan Malaysia bagaimanapun melalui award no. 1430 tahun 2005 ("award kedua tersebut") telah menolak permohonan tersebut atas antara lain, alasan pengakuan kecuaian oleh defendan

pertama yang sibuk dengan persatuan sehingga terlepas pandang dengan kes-kes mahkamah yang sedang dikendalikan oleh defendan pertama ketika itu.

[11] Plaintif kemudiannya memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi dalam semakan kehakiman no. R1-25-170-2005 ("semakan kehakiman tersebut") bagi antara lain mengenepikan award kedua tersebut. Walau bagaimanapun, semakan kehakiman tersebut juga telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 25 Februari 2009.

[12] Akibat kecuaian defendan pertama dan/atau defendan kedua dalam mengendalikan kes tersebut, plaintif telah tidak dapat meneruskan tuntutan terhadap majikannya dan tidak memperolehi apa-apa remedi.

[13] Antara kecuaian defendan pertama dan/atau defendan kedua adalah defendan pertama dan/atau defendan kedua telah gagal untuk memaklumkan kedudukan kes tersebut kepada plaintif dan juga gagal untuk memfailkan pernyataan kes bagi kes tersebut dalam tempoh masa sepertimana yang diarahkan oleh Mahkamah Perusahaan sehingga kes tersebut dibatalkan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia.

[14] Oleh itu, plaintif menuntut:

(a) ganti rugi di atas kecuaian pengendalian kes tersebut sebanyak RM72,124.80;

(b) ganti rugi am atas kesusahan, kepayahan dan tanggungan emosi setakat jumlah RM2,000,000;

(c) ganti rugi teladan dihadkan setakat RM1,000,000;

(d) secara alternatifnya, ganti rugi am di atas kesusahan, kepayahan dan/atau tanggungan emosi yang akan ditaksirkan oleh PKP;

(e) ganti rugi terhadap tanggungan kos dalam semakan kehakiman sebanyak RM10,048;

(f) ganti rugi terhadap kos guaman bagi pengendalian semakan kehakiman tersebut sebanyak RM5,000; dan

(g) kos.

Ringkasan Kes Defendan

[15] Defendan pertama adalah naib presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia iaitu defendan kedua.

[16] Pihak defendan tidak dapat memfailkan pernyataan kes pihak plaintif kerana pihak plaintif tidak membekalkan dokumen-dokumen yang lengkap kepada pihak defendan-defendan (seperti yang diperakui oleh plaintif di dalam afidavitnya) dan juga tidak memberi arahan selanjutnya kepada pihak defendan walaupun pihak defendan telah menghubungi plaintif beberapa kali.

[17] Pihak defendan pertama juga tidak menandatangani Borang B yang merupakan borang "waran kuasa untuk bertindak" di Mahkamah Perusahaan dan oleh yang demikian defendan-defendan tidak ada kedudukan di sisi undang-undang ("*locus standi*") untuk mewakili plaintif di Mahkamah Perusahaan.

[18] Tiada apa-apa perhubungan seperti seorang peguambela-peguamcara dan anak guamnya di antara plaintif dan defendan-defendan.

[19] Pihak defendan tidak pernah bertindak cuai seperti yang dituntut oleh plaintif. Pada hakikat sebenar plaintif telah cuai dan/atau gagal untuk membekalkan dokumen dan memberi arahan kepada pihak defendan seperti yang diakui oleh plaintif.

[20] Isu-isu Untuk Diputuskan

(a) Sama ada defendan pertama dan/atau defendan kedua yang mewakili dan/atau bertindak sebagai wakil plaintif di Mahkamah Perusahaan Malaysia mempunyai kewajipan berjaga-jaga ("duty of care") terhadap plaintif?;

(b) Jika defendan pertama dan/atau defendan kedua mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif, sama ada defendan pertama dan defendan kedua telah memungkiri kewajipan berjaga-jaga tersebut?;

(c) Jika defendan pertama dan/atau defendan kedua telah memungkiri kewajipan berjaga-jaga tersebut, sama ada kerugian dan kerosakan yang dialami oleh plaintif adalah diakibatkan oleh kemungkiran defendan pertama dan/atau defendan kedua; dan

(d) Jika plaintif mengalami kerugian akibat daripada kemungkiran defendan pertama dan/atau defendan kedua, sama ada kerugian tersebut adalah kerugian dan/atau kerosakan yang terlalu terpencil atau di luar dugaan ("too remote") atau kerugian di luar jangkaan defendan ("unforeseeable").

A **Keputusan Mahkamah**

[21] Di dalam kes ini, plaintif telah diwakili Encik Zeffree bin Zainudin dengan Encik Mohd Khairudin bin Ishak bersamanya dan defendan pula diwakili oleh Encik VK Raj. Plaintif telah memanggil dua saksi, Puan Junaidah binti Ghazali iaitu plaintif sendiri (PW1) dan Encik Nik Arris bin Nik Yusoff (PW2) yang merupakan suami kepada plaintif (PW1). Defendan juga telah memanggil dua saksi, Encik Balasubramaniam a/l Alagu iaitu defendan pertama (DW1) dan Encik Syed Shahir bin Syed Mohamud (DW2) yang merupakan presiden defendan kedua dan juga setiausaha eksekutif kepada Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Alat-Alat Pengangkutan dan Sekutu (National Union of Transport Equipment and Allied Industries Workers).

[22] Setelah mendengar keterangan PW1, PW2, DW1, dan DW2 dan hujahan peguam plaintif dan defendan saya akan kupaskan satu persatu isu-isu yang ditimbulkan oleh kedua-dua pihak.

(a) Sama ada defendan pertama dan/atau defendan kedua yang mewakili dan/atau bertindak sebagai wakil plaintif di Mahkamah Perusahaan mempunyai kewajipan berjaga-jaga ("duty of care") terhadap plaintif?

Jawapannya ya, kerana:

(i) Defendan pertama dan/atau defendan kedua mempunyai kewajipan berjaga-jaga untuk megendalikan kes tersebut dengan mengambil segala tindakan yang munasabah supaya kes tersebut dapat didengar dan/atau dibicarakan di Mahkamah Perusahaan Malaysia. Ini adalah berdasarkan kes *Hock Wee Nurseries Sdn Bhd v. Fajar Saga Sdn Bhd* [2011] 10 CLJ 249, dimana mahkamah dalam menentukan sama ada wujudnya kewajipan berjaga-jaga telah merujuk kepada ujian Atkinian yang diterima pakai yang menyatakan:

> ... The rule that you are to love your neighbour becomes in law, you must not injure your neighbour; and the lawyer's question. Who is my neighbour? receives a restricted reply. You must take reasonable care to avoid acts or omissions which you can reasonably foresee would be likely to injure your neighbour. Who, then in law is my neighbour? The answer seems to be - persons who are so closely and directly affected by my act that I ought reasonably to have them in contemplation as being so affected when I am directing my mind to the acts or omissions which are called in questions.

Dalam kes *Hock Wee Nurseries* di atas, mahkamah membenarkan tuntutan plaintif dan memutuskan:

> The plaintiff was so closely and directly affected by the defendant's act that the defendant ought to reasonably to have the plaintiff in contemplation as being affected when the defendant was directing its mind to the acts or omissions which were called in question.

(ii) Plaintif dan defendan adalah termasuk dalam kategori individu yang dinyatakan dalam Atkinian test yang mana plaintif secara langsung terkesan dengan tindakan defendan pertama dan defendan kedua kerana defendan pertama dan/atau defendan kedua adalah wakil plaintif di Mahkamah Perusahaan. Oleh yang demikian, apabila defendan pertama mengabaikan tanggungjawabnya untuk memfailkan pernyataan kes, defendan pertama dan/atau defendan kedua pastinya maklum akan kesan yang dihadapi plaintif iaitu kes plaintif mungkin akan dibatalkan.

Didalam kes *Lew Thai v. Chai Yee Chong* [1997] 1 CLJ Supp 13; [1997] 5 MLJ 762 Peh Swee Chin, FCJ, memutuskan bahawa:

> In negligence, the general duty of care is that one must take care not to cause injury or damage to one's neighbour. On the other hand, the law does not impose a general duty of care to save the neighbour from such injury or damage for which one is not responsible, except when there is a special relationship between the parties, where the law will impose such a duty of care in regard to such failure or neglect to save one's neighbour from injury or damage even when one is not responsible for such injury and damage to the neighbour. When such special relationship arises, the law will impose a duty of care of a special kind, it being a duty to act affirmatively to protect the neighbour or plaintiff from such injury or damage. In regard to the standard of the duty of care imposed by law on a defendant in connection with the duty to protect the plaintiff from such actionable omission, it is equivalent to or is demonstrated by what the plaintiff has to prove, either that:
>
> (a) the thing the defendant did not do was a thing commonly done by other persons in like circumstances; or
>
> (b) it was a thing which was so obviously wanted that it would be a folly in anyone to neglect to provide it.

A Melalui keterangan yang telah dikemukakan di mahkamah, adalah jelas sekali bahawa wujudnya satu hubungan istimewa ("special relationship") di antara plaintif dan defendan-defendan apabila defendan-defendan dilantik oleh plaintif untuk mengendalikan kes beliau di Mahkamah Perusahaan dan atas kewujudan hubungan
B istimewa ini, maka defendan-defendan mempunyai tanggungjawab kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif untuk mengendalikan kes di Mahkamah Perusahaan tersebut dengan menggunakan kepakaran dan/atau kemahiran yang diharapkan oleh plaintif terhadap mereka. Malahan dalam keterangan defendan pertama
C sendiri, beliau mengakui bahawa tugasan yang dilakukan oleh beliau di Mahkamah Perusahaan adalah sepertimana juga yang dilakukan oleh peguam-peguam lain yang mewakili pihak menuntut di Mahkamah Perusahaan.

(b) Jika defendan pertama dan/atau defendan kedua mempunyai
D kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif, sama ada defendan pertama dan defendan kedua telah memungkiri kewajipan berjaga-jaga tersebut?

Jawapannya ya, kerana:

E (i) Defendan pertama dan/atau defendan kedua sebagai wakil plaintif di Mahkamah Perusahaan telah memungkiri kewajipan berjaga-jaga apabila gagal dan cuai untuk memfailkan pernyataan kes sehingga menyebabkan kes tersebut dibatalkan oleh Mahkamah Perusahaan; dan

F (ii) Defendan pertama sebagai pegawai defendan kedua yang mengendalikan kes tersebut dan berpengalaman hampir 17 tahun dalam mengendalikan kes di Mahkamah Perusahaan (pada ketika mengendalikan kes tersebut), seharusnya tahu bahawa ianya adalah suatu keperluan untuk pernyataan kes difailkan
G sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah supaya kes plaintif dapat diteruskan dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kes plaintif dibatalkan.

(iii) Dakwaan-dakwaan defendan pertama adalah untuk mengelakkan
H dirinya dipersalahkan atas kecuaian dan kegagalannya untuk memfailkan pernyataan kes. Tambahan lagi berdasarkan kedua-dua award bertarikh 21 September 2004 (ms. 7 hingga 9 CBDA) dan award no. 1430/2005 (ms. 32 hingga 38 CBDA), adalah jelas antara alasan Mahkamah Perusahaan membatalkan dan
I menolak permohonan plaintif untuk menghidupkan semula kes

tersebut adalah kerana defendan pertama sibuk dengan tugasnya telah terlepas pandang kes plaintif sehingga pernyataan kes tidak difailkan.

Dalam kes *Arab-Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2003] 1 CLJ 585, Mahkamah Rayuan dalam menentukan sama ada wujudnya kemungkiran kewajipan berjaga-jaga telah menggunakan ujian antaranya:

> The duty to take care is the duty to avoid doing or omitting to do anything the doing or omitting to do which may have as its reasonable and probable consequence injury to others and the duty is owed to those to whom injury may reasonably and probably be anticipated if the duty is not observed.

Begitu juga dalam kes *Kow Nan Seng v. Nagamah & Ors* [1981] 1 LNS 208; [1982] 1 MLJ 128, dimana Mahkamah Persekutuan dalam kes berhubung dengan kecuaian oleh pengamal perubatan, telah memutuskan bahawa:

> the evidence of this case showed that the 2nd respondent was not given fair and reasonable standard of care and skill expected of an ordinary competent medical practitioner. The breach of care consisted of lack of proper skill in the application of the treatment and lack of proper observation in monitoring the patient's response to the treatment after it was given.

(c) Jika defendan pertama dan/atau defendan kedua telah memungkiri kewajipan berjaga-jaga tersebut, sama ada kerugian dan kerosakan yang dialami oleh plaintif adalah diakibatkan oleh kemungkiran defendan pertama dan/atau defendan kedua.

Jawapannya ya, kerana:

(i) Plaintif telah mengalami kerugian akibat daripada kecuaian defendan-defendan menguruskan kes plaintif. Plaintif telah kehilangan peluang untuk kesnya didengar dan diputuskan oleh mahkamah dan telah kehilangan hak untuk mendapatkan relif-relif yang dituntut dalam kes tersebut; dan

(ii) Plaintif juga telah mengalami kerugian dari segi masa yang beliau habiskan untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung beliau untuk kes tersebut dibawa ke Mahkamah Perusahaan.

(d) Jika plaintif mengalami kerugian akibat daripada kemungkiran defendan pertama dan/atau defendan kedua, sama ada kerugian tersebut adalah kerugian dan/atau kerosakan yang terlalu terpencil atau di luar dugaan ("too remote") atau kerugian di luar jangkaan defendan ("unforeseeable").

A (1) Jawapannya tidak, kerana sebahagian kerugian yang dituntut adalah "reasonably foreseeable" (dapat dijangka dengan munasabah) berdasarkan alasan-alasan berikut:

(i) Boleh dikatakan bahawa defendan pertama dan/atau defendan kedua sebagai pihak yang berpengalaman dalam mengendalikan kes di Mahkamah Perusahaan mesti mempunyai jangkaan munasabah bahawa sekiranya mereka tidak mematuhi arahan yang diberikan Mahkamah Perusahaan, maka kes plaintif akan dibatalkan oleh mahkamah tersebut.

(ii) Maka isu yang perlu diputuskan adalah mengenai kerugian/kerosakan yang dialami oleh plaintif.

(2) Namun begitu, saya berpendapat bahawa "prayer" atau kerugian yang wajar diberikan kepada plaintif adalah setakat "prayers" atau kerugian-kerugian berikut:

(i) Prayer (d): ganti rugi am di atas kesusahan, kepayahan dan/atau tanggungan emosi yang akan ditaksirkan oleh PKP;

(ii) Prayer (e): ganti rugi terhadap tanggungan kos dalam semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi sebanyak RM10,482;

(iii) Prayer (f): ganti rugi terhadap kos guaman bagi pengendalian semakan kehakiman tersebut untuk ditaksirkan; dan

(iv) Kos permohonan kes ini.

Ini adalah kerana kerugian-kerugian di atas boleh dikatakan sebagai kerugian yang "reasonably foreseeable" (dapat dijangka dengan munasabah).

(3) Bagi "prayer" (1) iaitu ganti rugi di atas kecuaian pengendalian kes tersebut sebanyak RM72,124.80, "prayer" ini boleh ditolak kerana kerugian tersebut adalah kerugian dan/atau kerosakan yang terlalu terpencil atau di luar dugaan ("too remote") atau kerugian di luar jangkaan defendan ("unforeseeable"). Ini adalah kerana berdasarkan alasan-alasan berikut:

(i) Pada tahap ini ianya tidak boleh dipastikan bahawa plaintif akan memenangi kesnya. Dalam erti kata yang lain, kemenangan kes plaintif adalah bergantung kepada perbicaraan di Mahkamah Perusahaan. Memandangkan perbicaraan tidak diteruskan atau dijalankan, maka kerugian

dan/atau kerosakan ini adalah kerugian yang terlalu terpencil atau diluar dugaan ("too remote") atau kerugian di luar jangkaan defendan ("unforeseeable"). A

(ii) Adalah nyata bahawa pihak plaintif tidak hanya menuntut gaji kebelakangan sebanyak 24 bulan gaji terakhirnya, tetapi beliau juga menuntut elaun pengangkutan dan kumpulan wang simpanan pekerja, KWSP ("EPF") pada kadar 12% dari gaji kebelakangannya. Berdasarkan kepada Nota Amalan No. 1 Tahun 1987 (ms. 97 dalam Ikatan DBA), yang dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan perkara No. 4 (c) dengan jelasnya memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak penuntut untuk mengurangkan kerugiannya. Tambahan pula, perkara 4(d) dengan jelasnya memperuntukkan bahawa sekiranya Mahkamah Perusahaan mendapati pihak plaintif telah menyumbang kepada penamatan perkhidmatannya (dalam kes ini alasan bagi penamatan perkhidmatan plaintif oleh majikannya adalah prestasi kerja yang kurang memuaskan), maka award tersebut boleh dikurangkan sehingga 50%. Oleh yang demikian, walaupun mahkamah ini mendapati defendan-defendan telah melanggari tanggungjawabnya, kerugian yang dialami oleh plaintif tidak boleh ditentukan, memandangkan perbicaraan tidak diteruskan di Mahkamah Perusahaan. Secara ringkasnya, kerugian yang dialami plaintif adalah agak terpencil atau dalam erti kata lain, plaintif tidak dapat membuktikan bahawa ketidakfailan pernyataan kes tersebut oleh defendan pertama telah mengakibatkan kerugian ekonomi memandangkan perbicaraan tidak dimulakan apatah lagi diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan. B C D E F

(iii) Dalam kes *Arab Malaysian Finance Bhd v. Stephen Phoa Cheng Loon & Ors* [2003] 1 CLJ 585 (*supra*), Hakim Gopal Sri Ram, JCA, (pada ketika itu), memutuskan seperti berikut di ms. 606: G

> It is settled that a plaintiff can recover only that loss which a defendant could reasonably foresee would ensue to the victim of the tort. So, the test we must apply is one of reasonable foreseeability. H

(iv) Semasa pemeriksaan balas, plaintif telah mengesahkan bahawa beliau tidak memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan untuk menolak kes permohonan plaintif bagi semakan kehakiman tersebut. Alasan yang diberikan oleh plaintif ialah bahawa beliau tidak mampu I

berbuat demikian kerana menghadapi masalah kewangan. Plaintif juga mengakui bahawa beliau tidak mencuba mendapatkan bantuan guaman. Dalam keadaan sedemikian, plaintif dibenarkan undang-undang untuk bertindak untuk dirinya sendiri atau mewakili diri sendiri dalam peringkat rayuan sekiranya beliau tidak mampu. Itu pun plaintif gagal untuk melakukannya. Oleh itu, adalah jelas bahawa plaintif dalam keadaan sedemikian seharusnya merayu ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi (iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan). Mahkamah ini tidak boleh memutuskan kerugian berdasarkan tuntutan merit kes sehinggalah ruang atau peluang plaintif untuk merayu belum digunakan sehingga ke peringkat akhir atau tertinggi.

[23] Oleh itu tuntutan plaintif dibenarkan untuk prayer (d), (e) dan (f). Kos dibenarkan sebanyak RM10,000.